

'Cara saya berbeza'

Abdullah tadbir negara hasil kesinambungan sebelumnya

BH - 16/1/2006

BANGKOK: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata cara beliau mentadbir negara berbeza dengan cara Perdana Menteri sebelumnya, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Kami dua individu berbeza. Kami ada cara tersendiri dalam melakukan sesuatu, mengenai apa perlu dibuat dan cara ia dilaksanakan. Malah saya sudah diberikan mandat terbesar yang pernah diperolehi pemimpin Malaysia," kata Abdullah dalam ruangan 'Global Viewpoint' yang disiarkan *Bangkok Post*, semalam.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya mengenai falsafah kepimpinan beliau oleh sekumpulan wartawan asing yang menghadiri satu program anjuran Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa di Putrajaya, bulan lalu.

Beliau bagaimanapun berkata, negara sedang bergerak menjadi negara maju menjelang 2020, yang menjadi wawasan Dr Mahathir dan menurutnya kerajaan pimpinan beliau sekarang adalah kesinambungan da-

ripada pentadbiran sebelumnya.

Abdullah yang mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada 31 Oktober 2003, berkata walaupun kerajaan beliau memegang majoriti kukuh dengan lebih 90 peratus, beliau membenarkan penyokong kerajaan di Parlimen mengemukakan soalan susah dijawab anggota kerajaan.

"Saya beritahu mereka bahawa peranan mereka ialah untuk bersikap konstruktif dalam kritikan mereka. Ini bukan semata-mata peranan pembangkang," katanya.

Abdullah berkata, beliau mahu bersikap tegas dalam banyak perkara.

"...bukan saja sama ada saya kuat, atau cuba menjadi kuat atau cuba menjadi lemah. Kesaksamaan dan keadilan mesti menjadi alasan kukuh untuk kenapa anda mahu melakukan sesuatu perkara itu, apa yang penting ialah objektif bagi pelaksanaan sesuatu perkara itu," katanya.

Perdana Menteri berkata, tumpuan beliau ialah terhadap pembangunan modal manusia.

"Anda boleh berikan senjata terbaik kepada tentera, tetapi sekiranya mereka tidak tahu cara menembak, jadi apa gunanya? Guru yang tidak mampu mendisiplinkan kanak-kanak tidak akan dapat memberikan pendidikan yang baik," katanya.

Walaupun ramai menyatakan bahawa beliau mengundurkan Malaysia beberapa tahun ke belakang dengan kembali menumpukan pada pertanian, Abdullah berkata, kemungkinan menjadikan pertanian sebagai sektor pertumbuhan sepenuhnya ialah dengan pengenalan bioteknologi.

Ditanya mengenai rasuah, Abdullah berkata, ia perlu dibanteras walaupun ia bukan satu tugas mudah kerana bukti dan fakta perlu dikemukakan sebelum seseorang itu boleh didakwa.

Cabaran utama ekonomi kepada Malaysia, Abdullah berkata, ia berkaitan dengan daya saing dan upaya bersaing dalam semua perkara, termasuk pasaran dan sumber.

Walaupun, China muncul sebagai

pesaing dan banyak negara melihatnya sebagai satu ancaman, Abdullah berkata, Malaysia menganggap China sebagai rakan dan peluang.

Beliau berkata, Malaysia perlu mencari keistimewaan sendiri dan sesuatu yang memihak kepadanya berbanding China dan bukan perkara sama dilakukan negara itu seperti industri pengeluaran kos rendah menggunakan buruh murah.

Mengenai Asean, Abdullah yang mempengerusikan Sidang Kemuncak Asean dan Sidang Kemuncak Asia Timur pertama di Kuala Lumpur bulan lalu, berkata Malaysia mahu menyaksikan ia menjadi sebuah perkumpulan dan unit tunggal yang mampu menghadapi persaingan dan mempunyai kedudukan kukuh berbanding China dan India.

Beliau berkata, Asean sedang menuju integrasi dan mempunyai banyak petunjuk positif seperti populasi 530 juta, kawasan yang kaya dengan sumber asli dan modal manusia dan pedagang aktif seperti Malaysia, Thailand dan Singapura. - Bernama